

SULIT

3755/2

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
Ogos/September
2012
2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK TAHUN 2012

PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A, dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian B.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Bahagian A

[75 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja

- 1 (a) Nyatakan **tiga** perbezaan antara keperluan dan kehendak. [6 markah]
- (b) Maklumat berikut berkenaan dengan Encik Maniam.

Encik Maniam ialah peniaga buah-buahan di bandar Sitiawan, Perak. Beliau dibantu oleh dua orang pekerja. Beliau telah mendapat pinjaman bank untuk membeli kelengkapan dan membesar kan kedainya.

- (i) Jelaskan **tiga** faktor pengeluaran yang terlibat dalam perniagaan Encik Maniam. [9 markah]
- (ii) Bagaimanakah perbankan boleh membantu perniagaan Encik Maniam. [4 markah]
- (c) Berikut adalah pernyataan tentang pengeluaran.

Kilang Keropok Lekor WAZA Sdn. Bhd, mendapat bekalan ikan segar daripada nelayan di Pulau Pangkor. Ikan dibersih dan dimesin menjadi adunan keropok. Adunan yang telah diproses dipasarkan kepada pengguna di Pasar tani seluruh negara


Berdasarkan pernyataan, terangkan **tiga** proses penciptaan nilai faedah.

[6 markah]

- 2 (a) Dokumen berikut diterima oleh Syarikat Mega Sdn Bhd.

Pemborong Sim Heng 48, Jalan Mahkota 36000 Teluk Intan Perak Darul Ridzuan No Tel : 05-6221936	No . Dokumen : 2011																		
Kepada Syarikat Mega Sdn. Bhd. 3 Jalan Tazali, 37000 Setiawan Perak.																			
Tarikh : 20 Jun 2013																			
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left; padding: 5px;">No Ruj</th> <th style="text-align: left; padding: 5px;">Butir-butir</th> <th style="text-align: left; padding: 5px;">Kuantiti</th> <th style="text-align: left; padding: 5px;">Harga/Unit</th> <th style="text-align: left; padding: 5px;">Syarat Serahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">TC001</td> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Kalkulator</td> <td style="text-align: left; padding: 5px;">100</td> <td style="text-align: left; padding: 5px;">RM 45.00</td> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Sedia</td> </tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">TP002</td> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Pen Mata Bola</td> <td style="text-align: left; padding: 5px;">100</td> <td style="text-align: left; padding: 5px;">RM 1.20</td> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Sedia</td> </tr> </tbody> </table>					No Ruj	Butir-butir	Kuantiti	Harga/Unit	Syarat Serahan	TC001	Kalkulator	100	RM 45.00	Sedia	TP002	Pen Mata Bola	100	RM 1.20	Sedia
No Ruj	Butir-butir	Kuantiti	Harga/Unit	Syarat Serahan															
TC001	Kalkulator	100	RM 45.00	Sedia															
TP002	Pen Mata Bola	100	RM 1.20	Sedia															
Dengan akaun yang diakul Untuk penerimaan dalam tempoh 10 hari																			
Syarat Angkutan : Angkutan hadapan Diskaun Niaga : 10% Syarat : 5% 7 hari																			

- (i) Namakan dokumen di atas. [1 markah]
- (ii) Hitungkan jumlah diskaun yang diterima sekiranya Syarikat Mega Sdn Bhd. meneruskan pembelian barang tersebut. [4 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan jenis perniagaan runcit.
- Syarikat Anzawa Sdn Bhd menjalankan perniagaan di pekan Chemor, Perak. Syarikat menjual pelbagai jenis barang dan menjadi tumpuan pelanggan dari kawasan berhampiran. Pelanggan suka datang ke premisnya kerana terdapat pelbagai kemudahan disediakan seperti tempat letak kereta yang luas dan kemudahan eskalator.
- (i) Apakah kaedah jualan yang diamalkan oleh perniagaan tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan kaedah jualan di 2 (b) (i) kepada peniaga [4 markah]
- (c) Gambar berikut berkaitan dengan salah satu jenis perniagaan runcit.



Terangkan ciri-ciri perniagaan tersebut

[6 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan sebuah syarikat kereta.

Baru-baru ini syarikat kereta PROTON telah melancarkan model terbarunya bernama "PREVE". Syarikat tersebut bercadang meluaskan pasarannya ke seluruh negara.

Apakah jenis saluran agihan yang sesuai dipilih oleh syarikat tersebut.

Berikan alasan anda.

[6 markah]

- (e) Maklumat berikut berkaitan aktiviti perniagaan antarabangsa.

Encik Bakri seorang pengimport buah-buahan di Klang, Selangor telah memesan 10 peti kontena berisi epal dari Australia menggunakan perkhidmatan pengangkutan laut. Beliau menggunakan perkhidmatan perkapalan dari Australia.

Namakan dokumen pengangkutan yang disediakan oleh syarikat perkapalan.

Jelaskan kegunaan dokumen tersebut.

[3 markah]

3. (a) Situasi berikut berlaku kepada seorang pengusaha Industri Kecil Dan Sederhana (IKS).

Encik Thomas telah mengusahakan perniagaan mengeluarkan kicap secara kecil-kecilan. Walaupun perniagaannya telah beroperasi selama 5 tahun dia masih tidak mampu mengembangkan perniagaannya kerana kekurangan modal.

(i) Terangkan masalah-masalah lain yang mungkin dihadapi oleh Encik Thomas

[6 markah]

(ii) Bagaimanakah kerajaan dapat membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Encik Thomas.

[5 markah]

- (b) Jelaskan ciri-ciri syarikat sendirian berhad.

[8 markah]

- (c) Berikut adalah perbualan dua orang pemegang syer.

Halim : Wah ! saya menerima dividen yang lebih tinggi pada tahun ini.

Daud : Seronoknya! Tapi saya menerima dividen yang tetap setiap tahun.

Berdasarkan perbualan di atas, jelaskan tiga perbezaan antara kedua-dua jenis syer tersebut.

[6 markah]


- 4 (a) (i) Jelaskan perbezaan sistem perbankan konvensional (SPK) dengan sistem perbankan Islam (SPI).

[6 markah]

- (ii) Terangkan fungsi Bank Negara Malaysia

[6 markah]

- (b) Logo berikut terdapat dalam salah satu jenis pengangkutan.



- (i) Namakan jenis pengangkutan yang terlibat dengan logo tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan peranan agensi yang terlibat dengan logo tersebut. [4 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan perkhidmatan audio-visual.

- Boleh menghubungi 2 atau lebih pihak di lokasi yang berbeza
- Mesyuarat jarak jauh melalui skrin pemancar.

- (i) Namakan perkhidmatan audiovisual tersebut ? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kebaikan perkhidmatan di 4 (c)(i). [3 markah]

- (d) Gambar berikut berkaitan sejenis iklan.



Dipercayai turun-temurun
Boleh menambahkan tenaga dan menyihatkan badan

- (i) Apakah jenis iklan tersebut ? [1 markah]
Berikan alasan anda. [3 markah]

5 (a) Apakah peranan agensi kerajaan berikut:

- (i) SIRIM Berhad [3 markah]
- (ii) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) [3 markah]

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Encik Husin, seorang siswazah luar negara.

Encik Husin baru saja menamatkan pengajian dari luar negara. Beliau telah mewarisi perniagaan bapanya. Oleh kerana tidak berpengalaman beliau menghadapi masalah menguruskan perniagaan itu, namun begitu beliau berhasrat untuk mengembangkan perniagaan bapanya.

- (iii) Apakah tindakan yang perlu Encik Husin ambil untuk mengatasi masalahnya. [4 markah]

(b) Situasi berikut berlaku ke atas Puan Hamidah

Puan Hamidah telah membeli krim kecantikan vitamin C keluaran satu produk kecantikan. Setelah menggunakan, beliau mengalami masalah-masalah pada kulit wajah. Beliau yakin masalah berpunca daripada produk yang digunakan dan telah membuat pengaduan di Tribunal Tuntutan Pengguna.

- i. Terangkan hak yang boleh dituntut oleh Puan Hamidah. [6 markah]
- ii. Mengapa Puan Hamidah memilih Tribunal Tuntutan Pengguna. [3 markah]

(c) Berdasarkan situasi di bawah,

Encik Chong adalah pemilik Kilang Sabun di Kampar, Perak. Sebagai majikan beliau sangat menjaga kebijakan pekerjanya di samping memberi ganjaran yang setimpal. Beliau juga sangat mementingkan kualiti keluarannya. Beliau juga segera menjelaskan hutangnya dan menggunakan sumber modal dengan cekap. Beliau mengamalkan proses kitar semula buangan dari kilangnya.

Terangkan **tiga** etika penjual yang diamalkan oleh Encik Chong. [6 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab

- 6 Encik Jamal seorang yang mempunyai minat yang mendalam terhadap ikan arowana kerana ikan menjadi penawar kepada jiwanya. Bermula dengan minat peribadi akhirnya Encik Jamal bersama-sama dengan saudara mara dan rakan-rakannya menubuhkan Perniagaan Akuakultur Jamal dan Rakan-rakan, sebuah ladang ternakan ikan arowana yang terletak di Bukit Merah, Perak.

Perniagaan Akuakultur Jamal dan Rakan-rakan bertambah maju kerana bidang tersebut diberi keutamaan oleh kerajaan dan Bukit Merah merupakan kawasan yang sesuai untuk ternakan kerana ia tempat asal habitat ikan tersebut. Perniagaan ini berjalan di atas tanah seluas 10 ekar dan sehingga ini sejumlah 100 buah kolam telah dibangunkan. Ekoran kejayaan yang menggalakkan, ramai pelabur berminat untuk menyertai perniagaan tersebut. Encik Jamal sedang menimbang untuk memperbesarkannya perniagaan yang akan dinamakan Syarikat Akuakultur Sdn. Bhd.

Perniagaan Akuakultur Jamal dan Rakan-rakan menawarkan pakej kepada pelabur melibatkan 20 ekor spesies *Malaysian Gold* bernilai RM50,000 dengan ikatan kontrak selama tujuh tahun. Selama tempoh ternakan 30 bulan itu, jumlah kos yang diperlukan ialah RM100,000 tetapi pelabur boleh memperoleh RM300,000. Pelabur sendiri harus membayar makanan ternakan selama tempoh dua tahun setengah atau 30 bulan bernilai RM2,000 sebulan. Walau bagaimanapun Encik Jamal menghadapi masalah mengutip bayaran daripada pelabur yang tinggal berjauhan di seluruh negara.

Perniagaan Akuakultur Jamal dan Rakan-rakan berupaya mengeksport ke negara seperti Jepun, Hong Kong, China, Taiwan dan Kanada kerana kegigihan pekerja syarikat di bahagian pemasaran menjalankan promosi. Malangnya beberapa orang pekerja bidang pengeluaran dan kewangan telah datang lewat, ponteng, suka bersempang kosong sewaktu bertugas. Encik Jamal sedang memikirkan cara mengatasi masalah tersebut.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) (i) Terangkan **dua** ciri usahawan yang ada pada Encik Jamal. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faktor yang dipertimbangkan oleh Encik Jamal sebelum memulakan perniagaan. [4 markah]
- (b) Mengapa Perniagaan Akuakultur Jamal dan Rakan-rakan memilih jenis milikan perniagaan yang baru tersebut? [8 markah]
- (c) Terangkan **dua** kemudahan pembayaran yang boleh digunakan oleh para pelabur untuk membayar kepada Perniagaan Akuakultur Jamal dan Rakan-rakan? [4 markah]

- (d) (i) Apakah bidang pengendalian perniagaan yang menjadi masalah oleh Perniagaan Akuakultur Jamal dan Rakan-rakan? [1 markah]
- (ii) Selain meningkatkan kecekapan pekerja, terangkan dua tugas lain yang menjadi tanggungjawab pengurus bidang di (d)(i). [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT